



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**30 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- MPAJ nafi tindas 23 penjaja 12

**Harian Metro**

- Mangsa sesat dakwa jumpa 'uncle' tunjukkan jalan keluar 69



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>30 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MPAJ nafi tinas 23 penjaja
Muka Surat	12

Ms.12
Isnin, 30 Oktober 2017 BH

# → HALAMAN KOTA



(FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH)



(FOTO HALIM SALLEH/BH)

**ADUAN PEMBACA**  
 Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Abd Hamid (kanan) pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat di Menara MPAJ, Ampang.**

**ISU PENGUATKUASAAN DI BUKIT AMPANG**

## MPAJ nafi tinas 23 penjaja

➔ Lokasi berniaga kawasan larangan aktiviti perniagaan

**Oleh Mohd Farkhan Abdul Ghapar**  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)  
**Ampang**

**M**ajlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menafikan dakwaan bahawa tindakan penguatkuasaan terhadap 23 penjaja di Bukit Ampang adalah satu bentuk penindasan.

MPAJ menegaskan bahawa tindakan yang dikenakan kepada penjaja di kawasan itu wajar kerana mereka sudah melanggar undang-undang yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat bulanan bersama ahli majlis di Menara MPAJ, di sini.

**Tiada kemudahan asas**  
 Abd Hamid menjelaskan, tiada kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan tandas awam di kawasan itu bagi menjalankan aktiviti perniagaan.

Justeru, katanya, MPAJ bimbang keadaan itu boleh menyebabkan berlaku keracunan makanan atau risiko keselamatan lain.

"Kita khuatir, lebih banyak masalah besar berlaku jika aktiviti itu diteruskan," katanya.

Sebelum ini, Halaman Kota BH menyiarkan keluhan 23 penjaja yang mendakwa ditindas PBT itu

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain, berkata lokasi berniaga adalah kawasan larangan untuk aktiviti perniagaan.

"Mereka menjaja di kawasan jalan raya menuruni bukit yang menjadi laluan kepada kenderaan keluar masuk dari kawasan perumahan berdekatan,

"Lokasi itu bukan kawasan untuk berniaga kerana ia terletak di cerun bukit dan amat tidak sesuai untuk dijadikan kawasan perniagaan.

"MPAJ banyak terima aduan daripada orang awam berhubung hakisan lereng bukit dan isu kebersihan, lebih parah aktiviti itu memang mengganggu aliran trafik malah mengundang berlaku banyak kemalangan," katanya.

"MPAJ tidak memberikan apa-apa kelulusan dan lesen kepada mereka kerana jelas kawasan itu bukan kawasan perniagaan. Sebaliknya, ia diwartakan sebagai kawasan jalan"

**Abd Hamid Hussain, Yang Dipertua MPAJ**

kebab kerana sering dikompaun dan denda.

Mereka mendakwa MPAJ enggan meluluskan lesen perniagaan mereka biarpun pelbagai permohonan sudah dibuat sejak 10 tahun lalu.

Malah, penjaja berkenaan mendakwa PBT itu turut mengelak daripada mengadakan perjumpaan dengan penjaja.

**Punca tak keluar lesen**  
 Mengulas perkara itu, Abd Hamid menjelaskan MPAJ tidak mengeluarkan lesen kerana kawasan itu diwartakan sebagai kawasan jalan.

"MPAJ tidak memberikan apa-apa kelulusan dan lesen kepada mereka kerana jelas kawasan itu bukan kawasan perniagaan. Sebaliknya, ia diwartakan sebagai kawasan jalan.

"Namun, penjaja tetap berdegit dan masih menjalankan kegiatan di situ, maka tindakan penguatkuasaan terpaksa dikenakan. Sudah ternyata mereka melanggar undang-undang dan pihak mahkamah juga sudah menjatuhkan hukuman kepada mereka untuk membayar denda," katanya.

MPAJ turut menafikan dakwaan homonymy ada rancangan untuk membangunkan kawasan itu dengan projek komersial.

"Kami menghalang aktiviti itu bukan atas dasar ada perancangan lain seperti yang didakwa. Kawasan itu memang tidak sesuai dan bahaya untuk dibangunkan sebagai kawasan komersial," katanya.



**23 Penjaja di lereng Bukit Ampang dakwa ditindas MPAJ**

**Keratan akhbar BH**  
 27 Oktober lalu.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>30 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Mangsa sesat dakwa jumpa 'uncle' tunjukkan jalan keluar
Muka Surat	69

**LELAKI yang diselamatkan bomba selepas tersesat di Bukit Saga.**

**Hulu Langat**

**Mangsa sesat dakwa jumpa 'uncle' tunjukkan jalan keluar**

"Adik saya mendakwa berjumpa dengan seorang 'uncle' yang menunjukkan jalan turun," kata Nurzaida Mohd Fauzi, 35, kakak kepada seorang lelaki, Mahmud Nizar, 25, yang tersesat di Bukit Saga, petang kelmarin.

Difahamkan, Mahmud memanjat bukit berkenaan jam 4 petang, kelmarin, dari Taman Saga, Ampang

sebelum tersesat lebih 3 jam sehingga ke laluan turun di Sungai Serai, di sini.

Nurzaida berkata, adiknya mendakwa mandi di air terjun di atas bukit berkenaan sebelum menyedari waktu sudah menunjukkan jam 7 malam dan dia secara tiba-tiba seperti terpinga-pinga.

"Dia bersiap untuk turun ke kaki bukit dan ketika dalam perjalanan, adik memaklumkan menemui seorang lelaki warga emas yang menunjukkan jalan lebih dekat.

"Bagaimanapun dia semakin jauh dan mungkin tersalah simpang sebelum menghubungi saya dan meminta memaklumkan kepada bomba untuk

meminta bantuan membawanya turun," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Negeri Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan daripada seorang wanita mendakwa adiknya tersesat di Bukit Saga pada jam 9.59 malam.

30-10-2017

setempat 69